

15 Mac 2016

Kepada Semua Pengguna Jeti Kargo Bahaya Pelabuhan Johor

Tuan / Puan,

**PERATURAN KESELAMATAN MANDATORI BAGI MEMASUKI KAWASAN JETI KARGO BAHAYA (DCJ) DI JOHOR PORT BERHAD (JPB).**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Seperti yang semua sedia maklum, Johor Port Berhad merupakan syarikat yang diiktiraf bagi pensijilan standard OHSAS 18001:2007 dan memerlukan pihak syarikat untuk mengekalkan dan menambahbaik secara berterusan terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("OSH") di dalam syarikat.

Adalah menjadi amalan JPB untuk mempraktiskan ALARP (setakat yang praktik) bagi mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan semua pengguna pelabuhan yang berada di dalam premis syarikat. Oleh yang demikian, saya dengan ini ingin mengingatkan semula semua pengguna pelabuhan (kakitangan, penyewa dan pemajak, pelanggan, kontraktor, pelawat, pembekal, agensi-agensi kerajaan, badan-badan penguatkuasa dan pihak berkepentingan yang lain) akan kewajipan mandatori untuk mematuhi peraturan keselamatan syarikat.

Sukacita saya mengingatkan semula bahawa setiap pengguna yang memasuki kawasan DCJ (BT1, BT2, BT3, BT4, BT12 dan CT3A) perlu mematuhi peraturan keselamatan mandatori seperti senarai berikut:

1. Pengisyiharan memasuki DCJ di Pos Sekuriti JPB. Buku log akan disediakan oleh JPB.
2. Penggunaan telefon bimbit adalah dilarang sama sekali kecuali di atas kapal (selepas kebenaran diberikan oleh kapten kapal).
3. Penggunaan kamera adalah dilarang sama sekali kecuali di atas kapal (selepas kebenaran diberikan oleh kapten kapal). Sebarang penggunaan kamera di kawasan DCJ perlu mendapat kebenaran dan permit dari pegawai PSSD (Jabatan Sekuriti & Keselamatan Pelabuhan).
4. Penggunaan walkie-talkie jenis IS ('intrinsically safe' / kalis letupan).
5. Penggunaan alat perlindungan peribadi (PPE); kasut keselamatan, topi keselamatan, seluar panjang, jaket lengan panjang dan vest keselamatan adalah mandatori. Vest keselamatan tidak diperlukan jika jaket telah dijahit dengan pelekat reflektif.
6. Penggunaan jaket keselamatan adalah mandatori semasa menyeberangi tangga kapal dan jika melepassi tanda sempadan jaket keselamatan di 'jeti apron'.
7. Penggunaan 'spark arrestor' bagi sebarang kenderaan / peralatan menggunakan bahan api diesel & petrol adalah mandatori. 'Spark arrestor' perlu dibuat daripada material 'stainless steel' dan perlu diperiksa secara berkala untuk sebarang kerosakan, keretakan dan lekukan.

Pihak JPB berhak untuk menghalang sebarang kemasukan ke kawasan DCJ atau mengambil tindakan lain jika sebarang keperluan yang dinyatakan gagal dipatuhi. Untuk itu, kerjasama dan sokongan berterusan pihak tuan / puan adalah amat dihargai bagi memastikan sebuah tempat kerja selamat dan kondusif dapat disediakan kepada semua pengguna.

Sekiranya anda memerlukan penerangan lanjut, sila hubungi Puan Siti Kamariah binti Md Shahrin di [kamariah@johorport.com.my](mailto:kamariah@johorport.com.my) atau wakil Keselamatan.

*'Keselamatan Adalah Tanggungjawab Kita Semua'*

Yang Benar,

**JOHOR PORT BERHAD**



**MOHD AIMAN DIANG ABDULLAH**

Pengurus Besar

Jabatan Sekuriti dan Keselamatan Pelabuhan

**NO JOB  
IS SO IMPORTANT  
& NO SERVICE IS  
SO URGENT  
THAT WE CANNOT  
TAKE TIME TO  
PERFORM OUR WORK  
SAFELY**